

AKTIVITI : Program Ziarah Kasih Ramadan 1440H

TARIKH : 29 Mei 2019

PENGLIBATAN: Pusat Islam, UPSI dan INSTUN

RINGKASAN PROGRAM:

Program Ziarah Kasih Ramadan 1440H telah dilaksanakan pada 29 Mei 2019 bersamaan dengan 24 Ramadan 1440 Hijrah. Program ini atas inisiatif Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) bekerjasama dengan Pusat Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sedikit sebanyak dapat membantu komuniti masyarakat setempat dari segi keperluan harian (sumbangan INSTUN) dan saguhati berupa duit raya (sumbangan UPSI) kepada mereka yang memerlukan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Aktiviti CSR tersebut melibatkan penduduk sekitar Kampung Sungai Dara, Behrang Ulu, Perak yang telah dikenal pasti dan melibatkan 15 buah keluarga.

Satu majlis *'Flag-Off'* telah dilancarkan di perkarangan Anjung INSTUN pada jam 8.30 pagi sebagai simbolik permulaan aktiviti CSR dan telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN. Seramai 8 orang pegawai/kakitangan INSTUN yang diketuai oleh En. Mohd Ridhzuwan bin Ahmad Pegawai Hal Ehwal INSTUN dan 4 orang pegawai Pusat Islam UPSI terlibat dalam menjayakan program berkenaan. Pengagihan barangan keperluan tersebut kepada penduduk yang terpilih berakhir pada jam 1 tengah hari.



